

01 OCT 2002

MAHATHIR-BIOTEKNOLOGI/I

PENYELIDIK MALAYSIA DIGESA BEKERJASAMA DENGAN SAINTIS ASING

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Para penyelidik Malaysia perlu bekerjasama dengan saintis dan pengusaha asing bagi menerokai dan mendapatkan manfaat daripada sumber-sumber yang terdapat di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Secara perbandingannya, penyelidikan dan pembangunan (R&D) belum menghasilkan banyak paten didaftarkan, tidak banyak perusahaan baru dilancarkan," katanya ketika merasmikan konvensyen antarabangsa mengenai bioteknologi di sini hari ini.

Situasi ini menggambarkan kekurangan dalam negara yang tidak setara dengan sumber dan potensi Malaysia, katanya.

Oleh itu, para penyelidik, mesti mengakui keperluan untuk berkongsi penemuan mereka dengan usahawan dan pelabur sementara formula perkongsian mesti diinstitusionalisasikan agar para penyelidik mendapat pulangan yang patut daripada usaha mereka, tambahnya.

"Para penyelidik adalah manusia istimewa. Mereka perlu sabar dan tekun dalam kajian dan usaha mereka. Sementara mereka mungkin boleh mendapatkan wang yang banyak daripada penyelidikan mereka, terpulang kepada orang lain untuk mempercayai potensi hasil mereka dan bersedia untuk melabur wang yang banyak untuk tempoh yang lama sebelum boleh mengharap pulangan," katanya.

Merujuk kepada tradisi Timur, beliau berkata pengetahuan tidak selalunya dikongsi dan resepi atau formula untuk rawatan penyakit selalunya hilang apabila pengamalnya meninggal dunia atau diwarisi anak-anak mereka.

Bagaimanapun, Malaysia sedar tentang kekayaan sumber dalam bidang bioteknologi dan tidak lokek dengan keajaiban dunia yang boleh dimajukan daripada sumber-sumber ini.

Oleh itu, kerjasama dalam penyelidikan disambut baik dengan syarat rakyat Malaysia mendapat faedah yang sepatutnya, kata Dr Mahathir.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-8, bioteknologi telah dikenal pasti sebagai inisiatif utama dalam menggalakkan sains dan teknologi, R&D dan inovasi teknologi. Jentera pelaksanaan utamanya adalah BioValley Malaysia.

Di bawah program BioValley ini, para penyelidik akan dikumpulkan di bawah tiga institusi penyelidikan, iaitu genomik, farmaseutikal dan pertanian.

Ketika di sidang media selepas majlis pelancaran konvensyen itu, Dr Mahathir berkata belum ada bangunan khas bagi program ini.

Penyelidikan-penyelidikan dijalankan di pusat-pusat penyelidikan, universiti dan insitusi yang berbeza. -- BERNAMA

SHO KTC JR